

17 JUN 2000

G15-Kertas

MALAYSIA KEMUKAKAN SEGERA KERTAS LATAR TINGKATKAN PERDAGANGAN G15

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 17 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan segera kertas latar mengenai cara meningkatkan perdagangan antara negara-negara anggota Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) yang mengadakan persidangan kemuncak ke-10 di sini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau akan berbincang dengan para pegawainya di sini esok untuk menyediakan kertas berkenaan.

"Kita menjangka dapat menyerahkan kertas latar ini kepada sekretariat G15 selewat-lewatnya Selasa ini," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan persidangan itu di sini.

Malaysia dipertanggungjawab menyediakan kertas latar itu setelah cadangannya untuk meningkatkan perdagangan antara negara G15 diterima oleh menteri-menteri perdagangan kumpulan itu pada mesyuaratnya di sini dua hari lepas.

"Kertas ini akan menggariskan bagaimana usaha tersebut dapat dilaksanakan...tujuan kita ialah supaya kerja berjalan dengan cepat," katanya.

Malaysia, antara lain, mencadangkan kemungkinan negara-negara G15 secara individu mengadakan skim serta program yang boleh memberi keutamaan kepada pembelian dan perolehan daripada negara-negara anggota.

Ini boleh dilakukan sama ada bagi perolehan barangan atau perkhidmatan.

Contohnya dalam keadaan di mana ada negara-negara G15 menawarkan barangan yang mempunyai mutu setanding serta dengan harga yang berpatutan, maka keutamaan hendaklah diberikan kepada negara anggota berbanding negara-negara lain.

"Langkah ini tidak mengusik apa-apa peraturan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) tetapi menjadi komitmen negara-negara individu untuk menggalakkan perdagangan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini malam ini untuk menghadiri persidangan kemuncak itu, yang merupakan kali kedua diadakan di bandaraya terbesar di Afrika ini.

-- BERNAMA

AZZ FAZ